

**Melayu Merentasi Samudera:
Sumbangan dan Warisan Sheikh Yusuf al-Makasari al-Bantani
di Selatan Afrika**

Prof. Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar


Ombudsman, Universiti Sains Malaysia
Distinguished Fellow, International Islamic University Malaysia

**Dilontar ke langit menjadi kejora,
dibuang ke samudera menjadi mutiara.**

1. Mukadimah

Orang Melayu terdiri daripada satu rumpun bangsa besar yang asalnya berpusat di Benua Sunda, yang kini dikenali sebagai Kepulauan Melayu. Sejak Zaman Air Batu terakhir ((sekitar 14,000-7,000 tahun dahulu) rumpun Melayu Mahawangsa telah tersebar luas -- ke utara hingga Taiwan, ke selatan hingga New Zealand, ke timur hingga Easter Island, dan ke barat hingga Madagaskar (Oppenheimer, 1998). Kebanyakannya merentasi samudera di zaman pra-sejarah dan zaman tradisional, dengan ikhtiar sendiri. Ada pula yang merentasi lautan di zaman moden sebagai hamba atau kerana dibuang negeri. Walau bagaimana mereka merentasi samudera, dan di mana sahaja mereka berada, akal budi dan kehebatan orang Melayu tetap terserlah jua. Dalam perbincangan saya akan tumpukan perhatian kepada sumbangan dan warisan Sheikh Yusuf al-Makasari al-Bintani (1626-1699), ulama-pejuang yang pada zaman penjajah merentasi samudera kerana dibuang

oleh Belanda dari Hindia Timur (Indonesia) ke Kaapstad (Cape Town) di Afrika Selatan, lantas mengukir nama di sana.



Peta Tebaran Rumpun Melayu Mahawangsa

2. Latar Sejarah

Semenjak awal abad ke-17, melalui Syarikat Hindia Timur Belanda (Vereenigde Oost-Indische Compagnie, VOC) yang bertapak di Batavia (Jakarta), Belanda telah mula menguasai keseluruhan Hindia Timur (Indonesia) yang terkenal dengan produk rempahnya. Sejak 1625 pula ia mula menguasai Cape of Good Hope di Afrika Selatan dengan mendirikan Kaapstad, yang apabila dikuasai oleh Inggeris pada tahun 1806 ditukar namanya menjadi Cape Town (Tahirfarrath, 2009). Kaapstad digunakan Belanda buat beberapa lama, terutama sebagai gudang barang dan stesen persinggahan ulang-alik bagi jalan laut Eropah-Hindia Timur. Memandangkan kedudukan dan peranannya yang amat strategik itu maka bandar itu ditadbir dari Batavia di Jawa. Untuk memenuhi keperluan tenaga kerjanya di sana, mulai 1658 ramai orang Melayu yang digelar *Maredhika* (Merdeka) dibawa oleh Belanda dari Hindia Timur, terutama Ambon. Dari masa ke semasa kezaliman Belanda semakin bertambah. Justeru, di samping kelompok tadi, banyak pula yang

dipaksa merentasi samudera ke sana sebagai hamba abdi. Apapun status sosial mereka, semua orang dari Hindia Timur yang telah dibawa ke sana, dan yang bakal dibawa lagi, dikenali sebagai Melayu Cape (*Kaapse Maleiers/Cape Malays*).



Peta Memperlihatkan Hindia Timur dan Afrika Selatan



Kaapstad dari Laut

Seterusnya, dalam perkembangan sejarah mulai 1667 ramai pejuang anti-kolonial Belanda di Hindia Timur yang ditangkap dan dibuang ke Kaapstad. Umumnya mereka adalah orang bangsawan dan pemimpin agama Islam yang berpengaruh. Di tempat baharu itu mereka diasingkan

dan dikenali sebagai *Orang Cayen* (Orang Kaya). Antaranya ialah Sheikh Abdurahman Matehe Shah dan Sheikh Mahmood dari Sumatra. Walaupun diasingkan mereka berdua berjaya mengukuhkan Islam, terutama dalam kalangan orang Melayu yang dijadikan hamba maupun yang dalam buangan.




Pemimpin anti-kolonial Melayu (Gambar hiasan)

3. Sheikh Yusuf al-Makasari al-Bantani

Dalam konteks di ataslah timbulnya kisah sejarah Sheikh Yusuf al-Makasari al-Bantani di daerah sekitar Kaapstad, Afrika Selatan. Sheikh Yusuf dari Gowa, Makasar ialah guru Sufi dan komandan pertempuran tentera mertuanya, Abdul Fatah Sultan Ageng dari Banten. Setelah beberapa pertempuran ia dikalahkan oleh tentera Belanda pada tahun 1682. Selepas peristiwa itu Sheikh Yusuf dibuang jauh dari Hindia Timur ke Sri Lanka sebagai tahanan politik. Di sana beliau didapati telah mempengaruhi orang-orang sekitarnya, termasuk Syekh Ibrahim ibn Mi'an dari India, lantas dibuang pula ke Kaapstad. Beliau tiba di tempat baharu itu dengan kapal 'Flyut de Voetboog' pada 2 April 1694 bersama dua orang isterinya, Carecontoe dan Carepane, serta sekitar 50 orang

pengikutnya, termasuk 12 orang imam. Di sana beliau dan keluarga serta pengikutnya segera diasingkan ke ladang anggor Zandvleit di kuala Sungai Eerste yang jauhnya sekitar 35 kilometer dari pusat kota Kaapstad. Hasrat Belanda ialah agar Sheikh Yusuf tidak lagi mengenakan pengaruhnya ke atas komuniti Melayu yang sedia ada dan golongan hamba abdi umumnya.



Shaikh Yusuf turun dari 'Flyut de Voetboog'



Sheikh Yusuf

Sesudah hidup dan bergerak dalam dalam buangan selama lima tahun Sheikh Yusuf meninggal di Zandvleit tanggal 23 Mei 1699 pada usia 73 tahun. Beliau disemadikan di ladang tersebut. Anak perempuannya, Siti Sara Marouff, telah berkahwin dengan Abdul Basir, Raja dari Tambora yang diasangkan ke Vergelegen, Stellen Bosch pada tahun 1697. Beberapa orang anak Sheikh Yusuf yang lain dibenarkan pulang ke Hindia Timur. Di Hindia Timur, difahamkan bahawa jenazahnya dibawa pulang ke Gowa dan disemadikan di Lakiung, Makasar pada bulan April tahun 1705.



Makam Sheikh Yusuf di Zandvleit



Nama Sheikh Yusuf terukir di menara berhampiran makam, 1925

Di Zandvleit makamnya segera menjadi tempat keramat yang sering diziarahi oleh masyarakat Melayu Cape dan orang Islam lainnya hingga kini. Mulai tahun 1940a sekitar 200 meter di depan kompleks


makamnya telah didirikan sebuah masjid yang diberi nama Masjid Nurul Latief.



Masjid Nurul Latief

4. Sumbangan dan Warisan Sheikh Yusuf al-Makasari al-Bentani

Sepanjang masa pengasingannya di Zandvleit Sheikh Yusuf sentiasa berada di bawah pengawasan ketat pihak berkuasa Belanda. Namun, semangat perwiranya tetap kental dan jiwa agamanya tetap membara. Justeru, beliau sentiasa mengambil kesempatan membantu anggota masyarakat Melayu, termasuk Raja Abdul Basir yang diasingkan ke Vergelegen, yang kemudian menjadi menantunya. Pada masa yang sama, Sheikh Yusuf tekun menyebarkan ajaran Islam dan semangat kebebasan kepada orang-orang tawanan dan hamba Melayu serta komuniti perkebunan lainnya, terutama pada hari-hari cuti (Yusuf Suwandy, 2012). Begitulah, di Zandvleit beliau berjaya mewujudkan buat pertama kalinya sebuah komuniti Islam yang bersepada dan bersemangat juang di Afrika Selatan.



Keluarga Melayu Cape

Ajaran dan perjuangan Sheikh Yusuf meninggalkan kesan yang berpanjangan, bukan sahaja di Zandvleit, malah di Afrika Selatan seluruhnya. Kehadiran anak cucu beliau, bersama dengan anak cucu *Orang Cayen* lainnya, telah membolehkan pembangunan Bo-Kaap, satu kawasan yang unik yang mul dibangunkan pada sekitar 1760an di Signal Hill, Kaapstad sendiri. Bo-Kaap sesungguhnya ialah *Malay Quarter* atau Pekan Melayu yang menarik kerana jalannya yang agak sempit, yang asalnya dibuat dari susunan batu, dengan rumah-rumah yang indah dan berwarna-warni. Bo-Kaap juga memainkan peranan yang amat penting dalam proses kemasukan Islam ke Kaapstad atau Cape Town. Masjid yang terawal di Bo-Kaap ialah Masjid Auwal yang masih dapa dilihat di Dorp Street.



Bo-Kaap di Kaapstad



Masjid Auwal

Memandangkan peranan penting dan jasa Sheikh Yusuf dalam perkembangan Islam di Afrika Selatan maka pada tahun 1994 seluruh umat Islam di sana merayakan sambutan 300 tahun kehadiran Islam di negara mereka. Peristiwa ini juga serentak meraikan ulang tahun ketibaan Sheikh Yusuf di Kaapstad/Cape Town.

Sebenarnya sumbangan dan warisan Sheikh Yusuf dapat disaksikan juga dalam bidang-bidang lain. Antaranya, di abad ke-20 Allahyarham memberi inspirasi kepada perjuangan Nelson Mandela dan para pemimpin rakyat tempatan menentang pemerintahan Apartheid di Afrika


Selatan. Hal ini diakui sendiri oleh Mandela semasa beliau berjaya menumbangkan pemerintahan Apathaid pada bulan April tahun 1994 (Andana Syahran, 2017). Justeru kerana besarnya sumbangan bakti Sheikh Yusuf, maka Presiden Nelson Mandela menukar secara rasmi nama Zandvleit kepada nama tempat asal tokoh tersebut, iaitu Macassar. Beliau juga memperingati hari pendaratan Syekh Yusuf di Kaapstad, iaitu 2 April. Malah, Mandela mengangkatnya sebagai 'Salah Seorang Putra Afrika Terbaik'. Setem khas juga diterbitkan dengan wajah Syekh Yusuf terpampang di atasnya.



Shaikh Yusuf sumber inspirasi Nelson Mandela



Wakil Presiden Indonesia Jusuf Kalla melawat Macassar



Lakaran peta Macassar




Setem berwajah Sheikh Yusuf

4. Zuriat dan Keturunan

Syekh Yusuf bersama *Orang Cayan* lainnya amat berjaya meninggalkan di Afrika Selatan zuriat yang berterusan daripada satu rumpun baka dari Hindia Timur yang kini dirujuk sebagai Melayu Cape. Secara keseluruhan keturunan mereka ini besar jumlahnya (sekitar 200,000 menurut Wikipedia, 2018) dan kekal serta bangga pula dengan

identiti Melayu-Islamnya. Mereka telah memperluaskan lagi peta rumpun bangsa Melayu daripada yang sedia wujud dengan menambah satu lagi wilayah -- Afrika Selatan.



Peta Rumpun Bangsa Melayu

Seterusnya, saya ingin tonjolkan beberapa orang daripada keturunan mereka yang kini masih dikenal sebagai Melayu Cape atau Melayu dari Afrika Selatan. Pertamanya ialah Ebrahim Rasool, tokoh yang berpengaruh dalam African National Congress, parti politik yang dominan di Afrika Selatan sejak kejatuhan Apartheid dan kemenangan Mandela pada tahun 1994. Ebrahim juga mantan Perdana Menteri Western Cape (2004-2008) dan mantan Duta Besar Afrika Selatan ke Amerika Syarikat (2010-2015).



Ebrahim Rasool

Seterusnya ialah Tuan Haji Moegamat Gielmie/Hilmy Hartley, tokoh masyarakat yang amat terkenal di Afrika Selatan. Beliau maha guru silat untuk Persatuan Seni Silat Pukulan Melaka Afrika Selatan, Cape Town. Kini beliau juga Pengurus Persatuan Kebudayaan dan Warisan Masyarakat Melayu Cape (Tahirfarrath, 2014).



Panglima Hilmy (dgn toedong and keris) di acara Military Tattoo 2009.



Maha Guru Silat Hilmy di WC Pencak Silat Jakarta 2010.

Seterusnya, ialah Allahyarhamah Hajjah Rabia bte Ebrahim Ozair Ally, wanita Melayu Cape yang berhijrah ke Malaysia dan menetap di sini buat beberapa lama. Allahyarhamah Hajjah Rabia ialah ibu kepada Prof. Dr. Rahmah Ahmad Othman, seorang ahli akademik yang terkenal. Beliau kini Profesor Kesusastraan Arab merangkap Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak. Seperti bondanya, Prof. Dr. Rahmah juga telah lama bermaustatin di Malaysia.



Hajjah Rabia bte Ebrahim Ozair Ally dan Prof. Dr. Rahmah Ahmad Othman

Ketiga dan terakhir ialah Allahyarhamah Munadia Karaan, seorang wartawan ternama di Afrika Selatan. Beliau juga mantan pembicara terkenal di stesen radio Voice of the Cape (VOC). Allahyarhamah keturunan Oupa Moosa Karaan yang berhijrah ke Kaapstad dari Krian di Mojokerto, Java, pada tahun 1875. Beliau meninggal pada tahun 2014 pada usia 47 tahun. Sebelum meninggal beliau sempat membuat ziarah jejak kasih ke kampung halaman leluhurnya di Krian, Mojokerto, Java.



Munadia Karaan

Begitulah pelbagai aspek sumbangan dan warisan Shaikh Yusuf al-Makasari al-Bintani. Justeru, banyak yang telah dilakukan untuk mengenang jasanya. Sebahagiannya telah dicatatkan di atas. Selain dari itu, Allahyarham telah dianugerahi gelar Pahlawan Nasional oleh Presiden Soeharto pada 7hb Ogos, 1995. Seterusnya, pada 26 Februari 2009 Kerajaan Afrika Selatan pula telah menganugerahkannya Oliver Thambo, iaitu gelar sebagai Pahlawan Nasional Afrika Selatan. Anugerah disampaikan sendiri di Pretoria oleh Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki, kepada tiga orang warisnya. Dua di antaranya adalah Andi

Makmun, keturunan kesembilan Sheikh Yusuf dan Syachib Sulton, keturunan kesepuluh (https://id.wikipedia.org/wiki/Yusuf_Al-Makasari).

5. Khatimah

Demikianlah sekelumit bicara tentang Shaikh Yusuf al-Makasari al-Bintani. Beliau putera Melayu yang mengukir nama di Afrika Selatan, walaupun beliau sebenarnya merentasi samudera ke sana pada tahun 1694 hanya sebagai orang tahanan dan buangan politik. Bersama dengan teman-teman pahlawan-ulama Melayu yang lain, Shaikh Yusuf berjaya memberi sumbangan besar kepada Afrika Selatan dan meninggalkan warisan Melayu-Islam yang cukup membanggakan di negara tersebut. Seperti kata Munadia Karaan, wartawan dan pembicara radio yang tersebut di atas:

But we not only survived to preserve our faith and culture, we also made a huge impact on our adopted country. We helped to shape the life at the Cape by contributing to the language, culture and colour of this country.

Akhir kalam, sesungguhnya ketokohan dan pencapaian Sheikh Yusuf dapat diringkaskan oleh pepatah Melayu (baharu) – “Dilontar ke langit menjadi kejora, dibuang ke samudera menjadi mutiara”.

Rujukan:

Abu Hamid, 1994. *Syekh Yusuf Makassar: Seorang Ulama, Sufi dan Pejuang*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.

Andana Syahran , “Syekh Yusuf Al-Makasari: Inspirator Perlawanan Apartheid dari Seorang Nelson Mandela”, February 18, 2017. Pautan: <https://www.islamkafah.com/syekh-yusuf-al-makasari-inspirator-perlawanan-apartheid-nelson-mandela/> (Diakses pada 5 Jun 2018).

- Davids, Achmat. 1980. *The Mosques of Bo-Kaap - A Social History of Islam at the Cape*. Athlone, Cape: The South African Institute of Arabic and Islamic Research.
- De Bosdari, C. 1971. *Cape Dutch Houses and Farms*. Cape Town: AA Balkema.
- Djoenism, 2018. “Warisan Ulama Nusantara di Afrika, Jejak Syekh Yusuf Al-Makasari di Afrika Selatan”. 24 Mei. Pautan: <http://mediafaktanews.com/2018/05/24/warisan-ulama-nusantara-di-afrika-jejak-syekh-yusuf-al-makasari-di-afrika-selatan/> (Diakses pada 25 Julai 2018).
- Ebrahim Mahomed Mahida “History of Muslims in South Africa: 1652 - 1699”, South African History Online. Pautan: <https://www.sahistory.org.za/archive/history-muslims-south-africa-1652-1699-ebrahim-mahomed-mahida>. (Diakses pada 25 Julai 2018).
- “Islamic Focus Sheikh Yusuf Macasari.” Pautan: www.islamicfocus.co.za (Diakses pada 23 Julai 2018)
- Jaffer, Mansoor. 2010. Guide to the Kramats of the Western Cape. Cape Town: Cape Mazaar (Kramat) Society. [4th impression]
- May, Athina, “Watch: Macassar freedom fighter honoured”, 12 February 2018. Pautan: <https://www.iol.co.za/capeargus/news/watch-macassar-freedom-fighter-honoured-13240047> (Diakses pada 25 Julai 2018).
- Munawir Aziz. 2016. “Sufisme Syekh Yusuf al-Makassari”, NU Online, Selasa, 07 Juni. <http://www.nu.or.id/post/read/68823/sufisme-syekh-yusuf-al-makassari> (Diakses pada 25 Julai 2018).
- Osa. 2005. “Meneladani Perjuangan Syekh Yusuf Al-Makassari Al-Bantani”, *Republika*, Jumat, 14 Oktober.
- “Sheikh Yusuf (1626 - 1699)”, *South African Government Information*. Pautan: www.info.gov.za. (Diakses pada 23 Mei 2018).
- Munadia Karaan, 2000. “Coming Home: A Family History Story from South Africa”, *Geneology Today*. Pautan: <http://www.genealogytoday.com/family/karaan/index.html>. (Diakses pada 23 Julai 2018)

Syahran, Andana. 2017.

Yusuf Suwandy Mardan Daing Mamase, 2012. “Jejak Etnis Makassar di Afrika Selatan,” *Jejak Celebes*, 6 Julai. Pautan: <http://jejakcelebes.blogspot.com/2012/07/macassar-rd-jejak-etnis-makassar-di.html>. (Diakses pada 23 Julai 2018)

Davids, Achmat. 1980. *The Mosques of Bo-Kaap - A social history of Islam at the Cape*. Athlone, Cape: The South African Institute of Arabic and Islamic Research.

Du Plessis, Izak David. 1944. *The Cape Malays*. Cape Town: Maskew Miller.

©MSY/Ogos2018.